

# Cabaran Guru Pelatih Pendidikan Islam Berpersonaliti Introvert: Kajian kes di IPGKTAR

Nur Amalia Azhar, Nor Ardini Ros Azmi, Siti Norsuraya Suili, Nurul Mashitah Zulkifli, dan Dearana Morshidi

**Abstrak** – Malaysia tidak seharusnya ketinggalan dalam meneroka pengaruh personaliti guru dalam dunia pendidikan kerana guru merupakan agen utama dalam pembentukan modal insan yang berkualiti. Secara umumnya, guru yang berpersonaliti menarik menjadi kesukaan murid-murid kerana mudah didekati dan mampu menarik minat terhadap penyampaian kandungan pelajaran. Guru-guru perlulah mempunyai kualiti peribadi yang positif yang dapat membantu mereka menjadi agen penyampai ilmu yang berkesan dan profesional seiring keperluan pendidikan kini yang bersifat dinamik. Sehubungan dengan itu, personaliti ekstrovert memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan kredibiliti guru dalam meningkatkan interaksi antara guru dan pelajar. Hal ini kerana, guru ekstrovert mempunyai personaliti menarik kerana mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif berbanding guru yang introvert. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih pendidikan Islam yang berpersonaliti introvert di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR). Kajian ini adalah satu kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual separa struktur. Seramai 3 orang peserta kajian telah dipilih berdasarkan keputusan soal selidik yang menunjukkan peratusan 80-90% kecenderungan introvert. Soal selidik yang diadaptasi daripada Inventori Personaliti Sidek telah digunakan bagi menentukan guru pelatih yang introvert. Selanjutnya, data diperoleh daripada peserta kajian menggunakan temu bual secara langsung. Kajian ini mendapati kesemua guru pelatih introvert lebih suka bersendirian dan mengamalkan pembelajaran sendiri, suka komunikasi bukan lisan, sukar membuat keputusan, memerlukan masa untuk bertindak dan sukar memulakan perbualan. Implikasi kajian ini adalah memberi panduan kepada guru pelatih untuk menilai potensi diri berdasarkan personaliti yang dimiliki. Bagi aspek pensyarah, kajian ini dapat membantu dalam aspek perancangan strategi pengajaran berkesan di peringkat IPG.

**Kata kunci** – Personaliti guru, kualiti guru, ekstrovert, introvert, guru pelatih

## I. PENGENALAN

Kepuasan guru terhadap pekerjaan mereka boleh memberi impak pencapaian pelajar dan kualiti pengajaran yang diberikan oleh guru kepada pelajar. Menurut kajian yang dilakukan di Universiti Warwick (2019) pekerja yang gembira dan bahagia adalah 12 peratus lebih produktif berbanding dengan pekerja yang tidak gembira. Aspek kepuasan bekerja khususnya dalam konteks profesionalisme keguruan penting bagi meningkatkan motivasi mengajar guru. Hal ini kerana interaksi antara pelbagai tret personaliti boleh mempengaruhi kadar stres kerja dengan jenis kerjaya yang dimiliki. Contohnya personaliti ekstrovert diperlukan

dalam bidang keguruan kerana keperluan dalam aspek komunikasi berkesan dalam memastikan keberkesanan penyampaian guru dan penerimaan murid terhadap ilmu yang disampaikan. Namun, tidak kepada individu introvert yang kurang mahir dalam mengendalikan komunikasi dua hala yang akan membuat mereka cenderung untuk mengalami stres kerana terpaksa menghadapi rutin kerja yang berlawanan dengan personaliti yang dimiliki.


Personaliti guru yang berwibawa berkait rapat dengan kualiti peribadinya yang positif terutamanya dalam aspek komunikasi yang menjadi aspek penting dalam penyampaian kandungan pelajaran yang berkesan. Oleh itu, guru perlulah mempunyai personaliti ekstrovert yang dapat meningkatkan kredibiliti guru dalam meningkatkan interaksi guru dengan murid. Sehubungan dengan itu, sebelum menjadi guru, siswa Institut Pendidikan Guru (IPG) diberikan latihan ikhtisas bagi mengembangkan potensi diri sebelum menjadi guru sebenar di sekolah. Oleh yang demikian, guru pelatih perlu menyiapkan diri dengan kualiti peribadi pendidik yang terbaik agar dapat membentuk modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

## II. PERNYATAAN MASALAH

Personaliti guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah perlu diberi perhatian memandangkan guru sentiasa menjadi perhatian dan tatapan umum dari hujung kaki hingga ke hujung rambutnya. Oleh itu, guru wajarlah menunjukkan personaliti yang menarik agar mudah didekati murid di samping meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Personaliti ekstrovert penting dalam pendidikan kerana dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dan selesa (Fisher dan Kent, 1998). Ini kerana guru yang ekstrovert lebih mudah didekati yang dapat membantu proses kerjasama di antara guru dan pelajar dalam menjayakan aktiviti di dalam bilik darjah. Lazimnya, guru ekstrovert mempunyai sifat sangat ekspresif, bertenaga, bersemangat dan pandai bergaul. Maka, mereka tidak mempunyai masalah dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang interaktif berbanding guru introvert (Mohd Shahudin Karim et.al, 2020). Memandangkan manusia dilahirkan dengan personaliti yang berbeza, pengkaji melihat perkara ini sebagai satu cabaran kepada guru yang pelatih yang introvert kerana keperluan terhadap personaliti ekstrovert dalam bidang pendidikan. Tambahan pula, bidang pendidikan merupakan satu bidang yang sangat mementingkan aspek komunikasi dengan masyarakat luar yang sangat bertentangan dengan sifat introvert yang kurang bergaul dan pasif. Maka, kajian ini dijalankan bagi melihat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) yang berpersonaliti introvert di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR).

### III. TINJAUAN LITERATUR

Eyesenck menjelaskan bahawa introvert hanya memerlukan sedikit atau tiada rangsangan luaran untuk mencapai tahap prestasi kognitif yang optimum berbanding ekstrovert atau ekstravert (Feist et.al, 2017). Ini terbukti apabila introvert berada di bahagian plegmatik yang menunjukkan sikap ketenangan yang tinggi kerana lebih fokus kepada keadaan yang berlaku terhadap dirinya. Maka, mereka lebih sukakan kedamaian dengan memilih untuk bersendirian dan berusaha untuk menghindarkan sebarang konflik yang memberi ancaman kepada dirinya. Berbeza pula dengan golongan ekstrovert yang berada di bahagian sanguin. Mereka lebih cenderung untuk keluar dan bertemu dengan orang ramai bagi mendapatkan semangat dan suka mengambil risiko bagi mendapat kepuasan dalam perkara yang dilakukan. Berdasarkan teori ini saya, ini saya mendapat gambaran bahawa guru pelatih yang introvert cenderung untuk berhati-hati dalam aktiviti pengajarannya dan kurang gemar suasana kelas yang bising kerana mereka sukakan kedamaian dan ketenangan bagi menjayakan perkara yang dilakukan.



Rajah 1. Teori Hans Eysenck

Teori seterusnya yang berkaitan dengan personaliti introvert ialah teori The Big Five Personality yang menjadikan lima elemen utama sebagai tunjang pembentukan personaliti seseorang individu. Bagi kajian ini saya memfokuskan elemen extraversion yang berkait rapat dengan personaliti introvert. Extraversion atau ekstraversi adalah trait personaliti yang menunjukkan ciri-ciri individu yang sukakan keseronokan, mudah bergaul, suka bercakap dan tegas. Tambahan pula, individu yang mempunyai sifat ekstraversi yang tinggi adalah seorang yang suka bergaul dan cenderung memperoleh tenaga dalam situasi sosial. Menurut Aiman & Aqila (2022) ekstrovert mendapat tenaga apabila dapat bersosial dengan orang yang dikenali dan termasuk juga orang yang baru sahaja dikenali berbanding introvert yang mendapat tenaga apabila melakukan aktiviti yang disukai secara bersendirian. Maka, introvert yang dikategorikan dalam golongan yang mempunyai ekstraversi yang rendah cenderung menjadi pendiam dan kurang gemar akan majlis yang memerlukan mereka untuk bersosial. Ini kerana, apabila mereka bersosial tenaga mereka akan berkurang dan memerlukan masa bersendirian bagi mengecbas semula tenaga mereka. Bagi konteks kajian ini, guru pelatih yang introvert digambarkan sebagai guru yang tidak mesra dan membosankan kerana tidak pandai bergaul dengan murid-muridnya.



Rajah 2. Teori The Big Five Personality

Istilah introvert dan ekstrovert ini diperkenalkan oleh Carl Gustav Jung yang menunjukkan perbezaan antara sikap yang ditunjukkan oleh dua golongan ini. Menurut beliau, sikap introvert dan ekstrovert yang wujud pada diri individu memberi kesan kepada cara individu berfikir atau mendapatkan maklumat (*Thinking & Sensation*) serta cara seseorang membuat keputusan (*Feeling & Intuition*). Bagi aspek cara berfikir, introvert lebih memfokuskan teori dan penerokaan sendiri berbanding ekstrovert. Bagi aspek membuat keputusan pula introvert pula lebih cenderung untuk mengambil masa yang lama dalam mengeluarkan pendapat berbanding ekstrovert yang dapat memberi idea secara langsung dalam sesuatu perkara. Introvert lebih gemar menyendiri dan mencari tenaga ketika bersendirian, manakala ekstrovert lebih aktif dan gemar mencari rangsangan luaran melalui interaksi sosial (Olivia, 2023). Oleh hal demikian, introvert sering dikaitkan dengan aktiviti seperti suka membaca, menulis dan bermeditasi yang tidak memerlukan rangsangan dari luar atau orang ramai untuk mendapatkan keseronokan. Maka, dalam konteks guru, golongan introvert mengambil masa dalam melakukan tindakan kerana ini mereka membuat kerja mengikut turutan dan mempunyai pemikiran yang realistik.

	Thinking	Feeling	Sensation	Intuition
Extrovert	analytical, strategic, plans, implements, organises others	social, sociable, sentimental, seeks personal and social success	practical, hands-on, pleasure-seeking, hard-headed	adventurous, innovative, seeks novelty, proposes change
Introvert	contemplative, discovering, theoretical, seeks self-knowledge	inaccessible, enigmatic, self-contained, seeks inner intensity	intense, obsessive, detached, connoisseur, expert	idealistic, visionary, esoteric, mystical, aloof

Rajah 3. Teori Carl Jung

### IV. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes melalui temu bual mendalam. Pengkaji menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada Inventori Personaliti Sidek bagi mengenalpasti guru pelatih yang introvert. Seramai 3 orang peserta kajian telah dipilih bagi meneroka cabaran GPPI yang berpersonaliti Introvert. Peserta kajian telah ditemu bual secara langsung menggunakan protokol separa berstruktur. Data yang diperoleh hasil temu bual ditranskrip dan dikod serta disahkan melalui pakar. Dapatan kajian diperoleh hasil pengkelasan sub tema dan tema yang telah dipersetujui pakar.

## V. DAPATAN

JADUAL I: PENGKELASAN TEMA DAN SUB TEMA

TEMA	SUB TEMA
Diri	Suka menyendiri
	Suka tulisan berbanding percakapan
	Banyak berfikir sebelum melakukan sesuatu
Kawan-kawan	Cepat penat apabila bersosial
	Sukar memulakan perbualan
	Senyap dalam kumpulan besar
	Selalu jadi pengikut
Pelajaran	Memerlukan masa untuk bertindak
	Suka suasana sunyi
	Suka pembelajaran sendiri
	Membuat perancangan sebelum memulakan sesuatu

### Diri

Dari temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kesemua guru pelatih mengatakan bahawa introvert memberi cabaran yang besar terhadap diri mereka. Antara temu bual yang menunjukkan cabaran ini adalah:

“Bila dalam majlis keramaian, saya akan cenderung untuk duduk berseorangan ataupun hanya duduk dengan orang yang rapat sahaja menyebabkan kita tak dapat mengenali orang, tak dapat mesra dengan orang, tak dapat nak bina hubungan atau networking dengan ramai orang dan aaa itu juga merupakan satu masalah la pada kemudian hari. Lagi-lagi bila orang tu macam sama asrama, sama kelas...tapi tak rapat, dan kita bukan jenis yang banyak berbual. Jadi dia akan menjarakkan lagi jurang tu.”  
(TB1/PK2/17.10.2023)

Menurut (Zaharah Osman, 2015) kemahiran sosial adalah tatacara yang perlu dimiliki oleh semua golongan masyarakat supaya mereka mempunyai peluang yang lebih baik untuk diterima masyarakat dan seterusnya menjadi golongan yang mampu bertahan dalam pelbagai situasi.

### Kawan-kawan

Bagi aspek kawan-kawan, kesemua peserta kajian bersetuju bahawa mereka lebih selesa membuat perbincangan dalam kumpulan yang kecil berbanding kumpulan yang besar. Berikut merupakan petikan temu bual yang menyokong aspek perbincangan ini:

“Kita selesa bercakap dengan kawan yang kita rapat. Lagi-lagi bila dia boleh beri dan terima pendapat kita. Kalau kena bercakap depan orang ramai, kita rasa nervous dan akan mula gagap bila bercakap.”  
(TB1/PK3/19.10.2023)

Introvert mempunyai kemampuan untuk membina kemahiran bersosial yang lebih baik dan mesra, tetapi hanya dengan kenalan yang dipercayai dan terpilih sahaja (Aiman & Aqila, 2022).

### Pelajaran

Dari aspek pelajaran pula, peserta kajian lebih gemar pembelajaran yang melibatkan pembelajaran sendiri. Rata-ratanya, guru pelatih memberitahu bahawa mereka lebih

suka belajar sendiri berbanding bersama-sama dengan rakan. Menurut peserta kajian:

“Kita suka belajar awal pagi, buat nota sendiri berbanding buat perbincangan dengan kawan-kawan. Boleh dengan kawan, cuma kita lebih kepada sembang la. Bila sendiri ni kita akan fokus ulangkaji tajuk yang dah belajar, buat nota. Kita rasa lagi masuk bila study sendiri.”

(TB1/PK3/19.10.2023)

Pengkaji melihat elemen ini sebagai satu cabaran untuk golongan introvert memandangkan pembelajaran abad ke-21 mementingkan pembelajaran secara kolaboratif bagi meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Menurut Sulistyawati dan Zuchdi (2016), pelajar bekerjasama dalam bentuk interaksi yang berkesan dengan mengaplikasikan teknik pembelajaran kolaboratif.

## VI. PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan dapat membantu pengkaji memahami perbezaan individu dari aspek personaliti. Bagi GPPI yang berpersonaliti introvert, kajian ini dapat membantu mereka untuk meningkatkan kemahiran diri mengikut kepupayaan diri. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, introvert boleh bertahan dalam bidang pendidikan berdasarkan potensi yang ada pada diri mereka. Melalui kajian ini juga dapat membantu pembaca serta pengkaji yang lain untuk memahami perbezaan diri yang dapat menjadikan seseorang itu bangga dengan identiti diri yang dimiliki tanpa berasa perlu meniru personaliti golongan lain untuk berjaya dalam hidup.

## VII. KESIMPULAN

Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan yang memfokuskan kepada cabaran bagi personaliti yang bertentangan dengan introvert iaitu ekstrovert. Hal ini kerana personaliti yang berbeza memberikan pengalaman hidup yang berbeza. Pengkaji juga menyarankan kajian yang lebih mendalam berkaitan pengaruh personaliti terhadap kerjaya guru kerana masih kurang kajian yang melibatkan personaliti guru di negara kita berbanding negara luar. Akhir sekali, pengkaji juga menyarankan adanya kajian yang melibatkan faktor serta langkah yang boleh diambil bagi mengatasi cabaran personaliti yang dilihat dapat memberi kesan kepada pendidikan negara kita.

## RUJUKAN

- Aiman Amri & Aqila Masri. (2022). *Pendiam*. Iman Publication.
- Chowdhury, M. R. (2019, January 25). Happiness at work: 10 tips for how to be happy at work. *Positive Psychology*.  
<https://positivepsychology.com/happiness-at-work/>.
- Feist, J., Feist J. G., & Roberts, T. (2017). *Theories of Personality*. Edisi ke-9. McGraw-Hill.
- Fisher, D. L., & Kent, H. B. (1998). Association between teacher personality and classroom environment. *Journal of Classroom Interaction*, 33(1), 5-13.
- Mohd Shahudin Karim, Rosy Talin, Bahari Md Shah, Lee,

- B.N., & Musirin Mohsin. (2020). Ciri Personaliti Berkualiti Guru dalam Pengajaran : Sebuah Kajian Kes Dalam Kalangan Guru Sejarah Tingkatan Enam di Daerah Penampang, Sabah. *International Conference On Language, Literature, Culture and Education 30 & 31 January 2016*, 5(1), 19–28.
- Olivia, G.E. (2023, October 10). Introvert Vs. Extrovert Personality: Signs, Theories, & Differences. *Simply Psychology*.  
<https://www.simplypsychology.org/introvert-extrovert.html>
- Sulistiyawati, N., & Zuchdi, D. (2016). Implementasi teknik pembelajaran kolaboratif dengan variasi media untuk peningkatan hasil belajar di SMPN 2 Kalijambe. *Harmoni Sosial: Jurnal Pendidikan IPS*, 3(1), 50-61.
- Zaharah Osman. (2015). Kesan implementasi modul kompetensi sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 1(1), 75–82.